

PEMIKIRAN TUAN GURU DATO' HJ NIK ABDUL AZIZ NIK MAT DALAM EKONOMI

Oleh:

Surtahman Kastin Hasan *

Norfadzilah Ahmad **

Abstract

Study of economic thought of Dato' Hj Nik Abdul Aziz will cover not only the material aspect, but also the inner aspect of Islam i.e. spiritual. He promotes ethical values in his administration: moderation in lifestyle and careful government spending. His views on development, poverty, riba and gambling are in accordance to the general view of Islamic economists.

PENGENALAN

Secara umumnya, ulama ialah seseorang yang luas dan mendalam ilmu pengetahuan agamanya dimana dengan ilmu yang dimilikinya itu, dia berupaya menggarapkan dan seterusnya mengembangkan ilmu tersebut bersesuaian dengan bidang kepakarannya sehingga lahir beberapa disiplin atau cabang ilmu yang lain, sama ada dalam bidang ilmu keagamaan mahupun dalam ilmu keduniaan.

Penulisan mengenai tokoh-tokoh ulama yang dibuat oleh ramai pengkaji mendapati ketokohan seorang ulama hanya dilihat dalam misi penyebaran dakwah sahaja. Seharusnya penulisan mengenai tokoh-tokoh ulama juga mengambil kira kepentingannya dalam bidang-bidang lain seperti pengembangan ekonomi dan politik. Tokoh-tokoh seperti ini harus diketengahkan untuk perhatian generasi muda yang bakal berkecimpung dalam menegakkan syiar Islam. YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat adalah seorang daripada tokoh ulama yang penulis maksudkan.

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat adalah tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam politik tanahair. Beliau menjadi lebih terkenal selepas dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Kelantan. Oleh kerana politik itu tidak dapat dipisahkan dari Islam, maka beliau dengan tegas menolak segala bentuk fahaman dan isme yang

* Surtahman Kastin Hasan, M.A., Pensyarah di Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

** Norfadzilah Ahmad, Graduan Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

dicipta oleh manusia dalam menentukan politik dan dasar negara. Baginya, Islam mestilah memerintah dan bukannya diperintah seperti yang ada pada hari ini.¹

Kajian ini dibuat untuk melihat kepimpinan yang dilakukan oleh seorang ulama dalam memerintah sebuah negeri yang agak mundur berbanding negeri-negeri yang lain. Kajian ini juga merupakan satu langkah untuk memperkenalkan kepada masyarakat umum satu gambaran tentang sikap seorang tokoh ulama, peranan dan sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat khususnya dalam bidang ekonomi. Di samping itu, kajian juga tertumpu kepada penilaian terhadap pemikiran ekonomi beliau.

SEJARAH RINGKAS TUAN GURU DATO' NIK ABDUL AZIZ

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat dilahirkan di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931 dalam satu keluarga ilmuwan Islam. Pulau Melaka merupakan sebuah kampung Melayu yang terletak lebih kurang 6 km dari Bandar Kota Bharu. Situasi persekitarannya lebih terasing kerana dipisahkan oleh dua batang sungai yang mengelilinginya.

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz b. Nik Mat b. Raja Banjar mempunyai jalinan keturunan dengan Raja Jembal yang satu ketika dahulu merupakan pemerintah yang disegani berpusat di Kampung Jembal, dalam Jajahan Bachok pada kurun ke-16. Ayahanda Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bernama Hj Nik Mat b. Raja Banjar merupakan salah seorang ulama terkenal dengan memiliki sifat-sifat istimewa yang sukar dicari pada masa itu.

Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat mendapat pendidikan awal daripada Almarhum ayahandanya sendiri, Tuan Guru Hj Nik Mat b. Raja Banjar yang terkenal dengan gelaran Tuan Guru Nik Mat Alim. Menurut Nik Din (adik kepada Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz), almarhum ayahandanya telah mewajibkan anak-anaknya bangun pada jam 4.00 pagi setiap hari untuk membaca dan menghafal al-Quran. Pada sebelah petang, selepas sembahyang Asar pula, anak-anaknya diwajibkan pula mempelajari ilmu tajwid dan membaca al-Quran. Pada sebelah malamnya pula iaitu selepas sembahyang Maghrib diajarkan pelajaran Hadith dan tafsir al-Quran. Menurutnya juga, kalau di antara adik-beradiknya yang terlewat bangun dari waktu yang telah ditetapkan, mereka akan dihukum, dan paling kurang, mereka akan dijiraskan dengan air sebelum waktu subuh.²

¹ Tarmizi Mohd Jam (1991). *Kelantan: Harapan, Cabaran dan Misi: Mampukah Ulama' Mentalbir*, Kuala Lumpur: GG Edar, h. 33.

² Dinsman dan Nasir Jani (t.t.), *Video: Tok Guru Disebalik Tabir*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.

Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi

Pada waktu malam, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz dan adik-adiknya diwajibkan mempelajari ilmu agama terutama sekali al-Quran. Allahyarham ayahandanya seorang yang amat menitikberatkan tentang pelajaran dan pakaian anak-anaknya. Sejak kecil lagi anak-anaknya diperintahkan supaya memakai kain pelikat, baju Melayu, memakai songkok dan dilarang keras untuk berambut panjang.

Di samping mendapat pendidikan daripada ayahandanya Tuan Guru Dato' juga mendapat pendidikan secara formal yang pertama di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat, ketika itu beliau berusia enam tahun. Kerana tidak serasi di sekolah tersebut, ayahandanya telah menghantar beliau ke sekolah pondok. Maka bermulalah pendidikan pondok yang lebih sesuai dengan jiwa dan naluri Tuan Guru Dato'.

Tuan Guru Dato' juga pernah berguru dengan seorang ulama' terkenal di Kelantan iaitu Maulana Tok Khurasan pada zaman pendudukan Jepun. Beliau boleh dikatakan murid Tok Khurasan yang paling muda berbanding dengan murid-murid yang lain. Bagaimanapun usia bukanlah penghalang, Tuan Guru Dato' dapat mengakhiri kesemua pelajaran yang disampaikan oleh Tok Khurasan itu dengan baik.³

Di samping mempelajari pelbagai ilmu daripada almarhum Tok Khurasan, Tuan Guru Hj Abbas dan beberapa orang Tok Guru lain, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz juga telah memasuki kelas khas di Jamek Ismaili yang diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada zaman pemerintahan Jepun dahulu. Semua tenaga pengajar di Jamek Ismaili ini adalah terdiri daripada alim ulama yang ulung di negeri Kelantan dan mampu menjadikan Jamek Ismaili ini sebagai universiti.

Selepas belajar di Jamek Ismaili, Tuan Guru Dato' menyambung pula pengajian Madrasah Ittifaqiah yang terletak di kawasan perpondokan Tuan Guru Hj Abbas di Besut, Terengganu. Hj Abbas adalah seorang ulama terkenal lepasan Darul Ulum Deoband, India.⁴

Setelah lima tahun menimba ilmu di Madrasah Ittifaqiah itu, maka pada tahun 1952 Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat pun berangkatlah meninggalkan tanahair untuk melanjutkan pengajian agamanya dengan lebih mendalam lagi di Darul Ulum Deoband, India.⁵ Di India, beliau telah mendapat didikan dengan seorang Syeikh al-Hadith dan guru tarekat yang terkemuka di India iaitu Maulana Mohamad Ahmad al-Madani. Di India, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bukan sahaja menumpukan pelajarannya di Deoband, malah beliau telah berguru dengan beberapa orang ulama dan

³ Hussin Yaakub (1992). *Peribadi Tuan Guru*. Kuala Lumpur, h. 41.

⁴ Lotfi Ismail (1994). *Kalau Tidak Kerana Dendam*. Kuala Lumpur: GG. Edar, h. 3.

⁵ Dinsman dan Nasir Jani (t.t.). *Video: Tok Guru Disebalik Tabir*.

pemimpin gerakan Islam di Pakistan dan India. Antaranya ialah Maulana Mahmud Hassan dan Maulana Sheikh Ali.

Tuan Guru Dato' kemudian melanjutkan pelajarannya ke Mesir pada tahun 1957 untuk meneruskan pengajian *Kulliyah al-Lughah* di Universiti al-Azhar. Tuan Guru Dato' tidak menghadapi masalah dalam mengikuti pelajaran tersebut kerana sebahagian besar daripada kitab-kitab yang digunakan itu telah pun dipelajari daripada beberapa orang ulama di Kelantan. Selepas itu, beliau meneruskan pengajiannya di universiti yang sama dengan membuat pengkhususan sarjana dalam jurusan Perundangan Islam, bidang yang lebih mencabar berbanding pengkhususan beliau sebelum ini. Selama sepuluh tahun (1952-1962) beliau meninggalkan tanahair kerana menuntut ilmu, akhirnya pada bulan Februari 1962, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz pun berangkatlah pulang ke tanahair dari perantauannya yang panjang.⁶

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz b. Nik Mat telah menamatkan zaman bujangnya pada usia 31 tahun apabila melangsungkan perkahwinan dengan seorang gadis pilihan kedua orang tuanya pada November 1962. Isterinya bernama Tuan Sabariah bt Tuan Ishak yang pada ketika itu baru berusia 14 tahun. Hasil perkongsian hidup dengan Tuan Guru Dato', mereka telah dikurniakan sepuluh orang cahayamata iaitu lima putera dan lima puteri. Seperti mana ayahandanya juga, Tuan Guru Dato' telah mendidik anak-anaknya dengan ilmu yang berkaitan dengan Islam. Kesemua anak-anaknya mendapat pendidikan di dalam dan di luar negara. Menurut Jamal Mohd Lokman, penulis Bibliografi Tuan Guru, bahawa tiga orang anaknya iaitu Nik Amar, Nik Abd Rahim dan Nik Adilah merupakan graduan Universiti al-Azhar, Mesir, manakala adiknya, Nik Adli merupakan lapan penuntut di sebuah pusat pengajian tinggi di Pakistan. Sementara anaknya yang kelima, Nik Mohammad Abduh berjaya menuntut di India. Manakala adik-adiknya Nik Mohd Asri, Nik Amani, Nik Amalina dan Nik Asma Salsabila, kesemuanya mendapat pendidikan agama seperti mana abang-abang dan kakak-kakaknya.⁷

Kehidupan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz sekeluarga adalah sederhana, tinggal di sebuah rumah kayu binaan kampung. Ruang tamunya tidak dihiasi dengan set sebagaimana yang menjadi kebiasaan di rumah pembesar negeri. Apa yang ada adalah sebuah almari kecil yang penuh dengan kitab-kitab agama. Beliau juga tidak membenarkan isteri dan juga anak-anaknya memakai perhiasan yang berlebih-lebihan. Ternyata apa yang ditarbiahkan ke atas keluarga dilakukannya sendiri. Baju Melayu teluk belanga, kain sarung pelikat dan serban sudah menjadi pakaian rasmi beliau.

⁶ Lotfi Ismail (1994). *op.cit.*, h. 4.

⁷ Jamal Mohd Lokman (1999). *Bibliografi Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Edisi 1. Subang Jaya: Penerbit Sulfa Human Resources & Development, h. 21-22.

TUAN GURU DATO' SEBAGAI ULAMA DAN PENDIDIK

Seseorang ulama itu tidak cukup sekadar memiliki ilmu yang luas dan mendalam dalam pelbagai disiplin ilmu, malah dia semestinya mengamalkan ilmunya sehingga terhias dalam dirinya perwatakan dan kata bicaranya. Ini kerana ia berupaya memimpin umat manusia ke arah kebenaran dan jalan yang lurus. Justeru, tepatlah perumpamaan Rasulullah s.a.w. bahawa ulama itu ibarat pelita yang menerangi kebenaran kepada sekalian makhluk manusia. Ulama juga merupakan orang yang amat arif dalam membezakan antara perkara yang hak dengan yang batil.

Oleh yang demikian, pengurniaan status ulama bukanlah suatu yang sebarangan, bahkan mengambil kira kerelevanannya dari segenap aspek termasuk personaliti, rentetan kekeluargaan, sosial masyarakat sekitar serta misi yang dibawanya itu sama ada benar-benar *valid* dengan manhaj dakwah yang dianjurkan oleh Islam. Di samping itu, dalam menjalankan kriteria tersebut tidak terdapat egoisme.⁸

Ketokohan Tuan Guru Dato' sebagai seorang ulama terserlah apabila beliau bukan sahaja berilmu tinggi, bahkan mendidik ahli masyarakat dengan ilmu yang dimilikinya. Kepulangan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz ke tanahair sangat dinantikan oleh masyarakat, dengan harapan yang menggunung tinggi agar anak jati yang berpendidikan tinggi ini dapat menjadi inspirasi dan idealis kepada semua lapisan masyarakat. Untuk menjadikannya sebagai kenyataan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz buat pertama kalinya turun ke tengah masyarakat untuk menjadi tenaga pengajar di Sekolah Menengah Tarbiah Mardiah Panchor. Setelah Sekolah Agama Darul Anwar ditubuhkan, Tuan Guru Dato' telah diamanahkan oleh ayahanda beliau untuk menjadi tenaga pengajar di situ.⁹

Sebagai seorang yang telah diamanahkan untuk mengajar di sekolah tersebut serta menjadi tenaga pendidik pertama yang mendapat ijazah dari luar negeri, Tuan Guru Dato' telah diberi mandat dan kepercayaan oleh jawatankuasa sekolah untuk merangka perancangan bagi mengatasi masalah di Sekolah Agama Darul Anuar.

Idea-idea yang telah dicetuskan oleh Tuan Guru Dato' dalam menyusun dan mentadbir ini telah berjaya direalisasikan dan akhirnya dengan sebulat suara beliau telah dilantik sebagai bendahari sekolah. Melalui sesi ceramahnya di kampung-kampung beliau turut berjaya memungut derma bagi mengisi tabung kewangan sekolah.¹⁰

Kedudukan kewangan sekolah yang semakin stabil telah memberi ruang bagi Tuan Guru Dato' dan organisasinya membentuk perancangan kurikulum dan kokurikulum yang seragam untuk para pelajarinya. Penampilan impresif Tuan Guru Dato' Nik Abdul

⁸ *Ibid.*, h. 40.

⁹ *Ibid.*, h. 29.

¹⁰ *Ibid.*, h. 30-31.

Aziz telah memberikan satu semangat dalam kehidupan mereka. Jika selama ini mereka hanya dibimbing oleh tenaga pengajar dari kelompok mereka sendiri, tetapi kini mereka telah menerima suatu pancaran keilmuan dari seseorang yang berpendidikan tinggi.¹¹ Tuan Guru Dato' turut mengajar di Sekolah Menengah Arab Panchor yang memintanya mengajar di sekolah tersebut, terutamanya di sebelah petang. Tuan Guru Dato' juga telah menghulurkan khidmat baktinya mendidik golongan tua pada waktu malam. Usaha ini disalurkan melalui pembabitan beliau dalam Jawatankuasa Kelas Dewasa (KEMAS) yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebelum mengambil bahagian yang cergas dalam arena politik, Tuan Guru Dato' bolehlah dikatakan sebagai seorang guru dan pendakwah sepenuh masa yang menumpukan seluruh tenaga dan fikirannya untuk menyampaikan ajaran Islam kepada semua lapisan masyarakat. Beliau amat berminat dalam kedua-dua bidang ini serta tidak boleh dipisahkan daripadanya selagi tenaga dan fikirannya masih berfungsi. Di awal penyertaannya dalam Kelas Dewasa, beliau banyak sekali memberikan teguran membina dan tegurannya masih boleh diterima oleh pelajar-pelajar termasuk pengelola kelas itu sendiri. Namun, akhirnya teguran ini menjadi polemik dan kontroversi antara pelbagai pihak sehingga beliau disekat dengan bermacam-macam halangan. Semua ini adalah disebabkan dari kritikan beliau yang serba sedikit menyentuh pihak-pihak tertentu.¹²

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz juga berkesempatan menabur bakti di SMA Maahad Muhammadiyah. Pelaksanaan tugasnya di sini lebih mudah daripada Sekolah Agama Darul Anuar kerana susunan kurikulum yang bersistematik, kelengkapan pembelajaran yang disediakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta dilengkapi pula tenaga pengajar lulusan ijazah.

Karier Tuan Guru Dato' sebagai guru berakhir apabila beliau dipilih untuk bertanding di bawah Parti Islam Se Malaysia (PAS) di dalam pilihanraya kecil Parlimen Kelantan Hilir (Pengkalan Chepa) pada tahun 1967. Pada mulanya beliau merasakan agak keberatan untuk melepaskan jawatan guru yang paling beliau minati itu. Tetapi oleh kerana memikirkan tanggungjawab dan tugas seseorang guru itu hampir sama dengan tugas dan tanggungjawab seorang wakil rakyat, maka beliau bersedia untuk bertanding dalam pilihanraya kecil itu. Walaupun jawatannya dalam bidang pendidikan berakhir, namun bagi Tuan Guru Dato' ia hanya bernoktah pada zahirnya sahaja. Oleh yang demikian, beliau tetap juga aktif mendidik masyarakat dengan mengendalikan kuliah-kuliah agama di merata tempat, walaupun selepas memegang jawatan Menteri Besar yang kini sudah disandanginya hampir 15 tahun.

¹¹ *Ibid.*, h. 33.

¹² *Ibid.*, h. 35.

PEMBANGUNAN MENGIKUT PERSPEKTIF TUAN GURU DATO' NIK ABDUL AZIZ

Persepsi Tuan Guru Dato' terhadap pembangunan dan seterusnya ekonomi dapat dilihat dari tindak tanduk amal perbuatan dan ucapannya. Pembangunan perlu dimulai dari diri seseorang iaitu dari segi pembangunan dalaman; kerohaniannya.

Beribadat adalah satu-satunya manifestasi pembangunan kerohanian melalui ketaatan dan kepatuhan manusia kepada Allah SWT. Kualiti ibadat berkait rapat dengan pendidikan dan ilmu agama yang dipelajari dan diamalkan oleh individu dalam kehidupan seharian. Tuan Guru Dato' adalah seorang tokoh ulama yang kuat beribadat. Beliau dikatakan tidak pernah meninggalkan solat sunat tahajjud dan sunat-sunat yang lain. Sehingga ke hari ini, beliau masih mengekalkan amalan bangun tidur jam 4.00 pagi. Inilah amalan yang beliau amalkan sejak berumur tujuh tahun lagi.

Rutin kehidupan Tuan Guru Dato' bermula dengan perjalanannya ke masjid untuk solat subuh dan mengimami solat subuh. Selepas solat beliau akan berwirid dan seterusnya membuka kitab yang tersedia di atas rehal untuk memulakan kuliah subuh, yang merupakan kuliah atau ceramahnya yang pertama untuk hari itu. Ini berlaku setiap hari yang mana beliau telah melakukan aktiviti ini sebelum dilantik menjadi Menteri Besar lagi. Rutin harian hidupnya jelas menunjukkan beliau seorang yang kuat beribadat dan rutin hariannya bermula di masjid. Tuan Guru Dato' telah mempertingkatkan syiar Islam di negeri Kelantan dengan melibatkan diri dalam kegiatan pembangunan masjid, surau dan madrasah, peningkatan kerohanian di kalangan rakyat, mempertingkatkan perlaksanaan syariat dan peraturan Islam dalam masyarakat, mengaturkan program tadarus al-Quran di bulan Ramadhan, tazkirah di peringkat jabatan kerajaan, kuliah zohor mingguan di pejabat-pejabat dan menggalakkan para pemimpin menyampaikan khutbah dan kuliah-kuliah agama di masjid atau surau. Di pejabat Menteri Besar, apabila masuk waktu zohor, beliau mengajak kakitangan kerajaan, termasuk anggota tentera dan polis serta para tetamu yang beragama Islam bersolat jamaah bersamanya. Langkah kerajaan negeri Kelantan pimpinan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz menggambarkan bahawa beliau menyelaraskan kepimpinannya itu sebagai usaha membentuk fikiran rakyat supaya berfikir dan bertindak mengikut cara Islam. Beliau mengamalkan cara hidup yang sesuai dengan Islam melalui "kepimpinan melalui teladan".

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz mempunyai sifat yang terpuji. Beliau sentiasa merendah diri dan bercakap dengan nada yang lembut. Tuan Guru Dato' pernah tidur di atas tikar di ibu pejabat parti. Gaya beliau yang sedemikian mencerminkan usaha beliau untuk membentuk rakyat Kelantan menurut kehendak Islam. Beliau amat menekankan sifat lemah-lembut dalam pemerintahannya dan sentiasa mengesa dan mengingatkan agar setiap peringkat pemimpin menggunakan pendekatan tersebut.

Beliau tidak mengubah gaya hidup dan cara pakaiannya. Jika dahulu beliau sentiasa berkopiah dan berserban, berbaju melayu dan berkain sarung maka corak pakaiannya yang seperti itulah juga yang dipakainya apabila mengetuai kerajaan Kelantan. Bagaimanapun bagi tujuan-tujuan lebih formal, pakaiannya telah diubahsuaikan sedikit iaitu memakai kopiah dan serban, berbaju/seluar melayu, dan bersampin.¹³ Walaupun sudah hampir 15 tahun Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz menjadi Menteri Besar, namun kehidupannya tidak berubah. Beliau hidup dalam kesederhanaan, rumahnya masih rumah kayu. Ini jelas, beliau tidak mengumpul harta dengan kedudukannya sebagai Menteri Besar. Tuan Guru Dato' lebih mengutamakan hidup di sebuah rumah yang serba sederhana yang berhampiran sebuah masjid daripada menikmati hidup di 'istana' yang dilengkapi dengan alat perhiasan serba mewah di JKR 10. Beliau hanya datang sekali sekala sahaja ke JKR 10 untuk menemui tetamu dari dalam dan luar negeri dan tempat itu hanya dijadikan tempat tetamu-tetamu kerajaan. Belum ada dalam sejarah tanahair seorang Menteri Besar yang enggan untuk berpindah ke kediaman yang mewah selain daripada Menteri Besar Kelantan sekarang. Inilah yang dikatakan bahawa beliau bukan sahaja Menteri Besar yang luar biasa, malah seorang wakil rakyat yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa.

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz juga dikatakan seorang yang tidak mementingkan kedudukan dan protokol. Padanya, protokol adalah amalan feudal dan bukan akhlak Islam.

PEMIKIRAN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP EKONOMI

a. Definisi ekonomi

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz mendefinisikan ekonomi sebagai segala kekayaan yang terdapat di langit dan di bumi ini dianugerahkan oleh Allah kepada umatnya untuk menguruskan alam ini. Ini bermaksud semua rezeki yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah SWT, di mana manusia hanya diberi tugas sebagai khalifah untuk menjadi pentadbir di alam ini.¹⁴ Dalam konteks Islam tentunya pengurusan dan pentadbiran rezeki ini dipandu oleh prinsip Islam yang berbentuk perintah dan peraturan syariah¹⁵ atau umumnya sistem nilai Islam.¹⁶

¹³ Lotfi Ismail (1994), *op.cit.*, h. 13.

¹⁴ Soal jawab bertulis, 3 Januari (2003).

¹⁵ Akram Khan (1984), "Islamic Economics: Nature and Need" dalam *Journal of Research in Islamic Economics*, Jil 1, Bil 2, h. 55.

¹⁶ Mannan, M.A. (1989), *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis Jil. 1*, terj. Radiah Abdul Kader, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 36.

Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz juga menyatakan bahawa sumber-sumber pengeluaran yang terdapat di bumi adalah mencukupi atau tidak terhad.¹⁷ Beliau menyangkal definisi ekonomi yang diutarakan oleh ahli-ahli ekonomi Barat yang menyatakan bahawa sumber-sumber pengeluaran adalah terhad yang akhirnya telah menimbulkan masalah dalam ekonomi bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz, sumber-sumber pengeluaran yang dianugerahkan oleh Allah SWT mencukupi untuk keperluan makhluknya cuma manusia sahaja yang tidak pandai mengurusnya dengan baik sehingga timbul pelbagai masalah kekurangan sumber dalam ekonomi. Perkara ini juga jelas dinyatakan dalam al-Quran dalam surah Hud berikut:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

Maksudnya: “Dan tidak ada sesuatu manusia dan binatang di bumi melainkan Allah jugalah yang memberi rezekinya”. (Surah Hud, 11: 6)

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa ekonomi itu ialah segala kekayaan yang terdapat di bumi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk menguruskannya. Sebagai khalifah, manusia akan memprosesnya melalui tenaga, fikiran dan jasmani berlandaskan al-Quran agar ianya menjadi bahan yang berguna untuk memenuhi keperluan hidup.

b. Kemiskinan

i. Konsep kemiskinan

Kemiskinan sering kali dijadikan kayu ukur kepada pembangunan. Bagi semua pemikir ekonomi Islam dan bukan Islam, mereka mengatakan bahawa kemiskinan bererti kemunduran dan tiada pembangunan. Bagi mereka ia merupakan salah satu komponen dalam rangkaian petanda kemunduran, selain ketidaksamarataan dan pengangguran yang dikatakan boleh menimbulkan beberapa masalah seperti rosak akidah, rendah etika dan akhlak, terganggu fikiran, memecahbelahkan keluarga dan membahayakan negara dan masyarakat.¹⁸

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz pula mendefinisikan kemiskinan sebagai satu daripada penyakit manusia yang sentiasa berlaku dalam sesebuah negara. Ia merupakan suatu keadaan yang telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi.¹⁹ Namun demikian,

¹⁷ Soal jawab bertulis, 3 Januari (2003).

¹⁸ Surtahman Kastin Hasan (1996). “Kemiskinan dan Pembasmian Mengikut Perspektif Islam.” dlm. Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris (pynt.). *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM, h. 75.

¹⁹ Soal jawab bertulis, 3 Januari (2003).

pada zaman Umar b. Abd Aziz berlaku sebaliknya di mana ketiadaan orang miskin untuk menerima agihan zakat. Dikatakan bahawa pegangan dan amalan penghidupan masyarakat yang telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. sebelumnya membawa kepada pencapaian yang cemerlang.

Beliau juga menyatakan bahawa kemiskinan ialah ketidakupayaan manusia untuk mencapai tingkat keperluan individu dan tanggungannya. Ini bermaksud mereka tidak berkeupayaan untuk mencapai tahap yang paling minima sedangkan nikmat Allah SWT adalah amat banyak dan amat mencukupi untuk memenuhi keperluan seluruh manusia sepanjang masa.²⁰ Pandangan beliau ini dapat dilihat daripada firman Allah SWT yang berikut:

وَأَتَّكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا

Maksudnya: "Dan Ia mengurniakan kepada kamu daripada setiap apa yang kamu pohon dan jika kamu membilang nikmat Allah nescaya kamu tidak akan terhitung..." (Surah Ibrahim, 14: 34)

Segala nikmat Allah SWT yang berbentuk sumber alam adalah banyak dan mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup setiap umat manusia. Tuan Guru Dato' telah menyuarakan pandangannya mengenai kemiskinan sama seperti kemiskinan yang dilihat mengikut perspektif ekonomi Islam. Kemiskinan mengikut perspektif Islam dilihat melalui dua aspek iaitu kemiskinan kebendaan dan kemiskinan kejiwaan iaitu yang berbentuk kerohanian.²¹ Kemiskinan kebendaan bermaksud ketiadaan keperluan-keperluan asas berbentuk material, iaitu lebih melihat kepada miskin dalam bentuk harta. Manakala dalam Islam, kemiskinan juga merangkumi kemiskinan kerohanian. Ini bererti jiwa yang kosong itulah yang miskin. Hanya orang yang mempunyai jiwa yang kosong mudah terdedah kepada bermacam-macam bahaya. Miskin jiwa mempunyai kesan yang lebih berbahaya daripada miskin harta.²²

ii. Langkah mengatasi kemiskinan

Islam adalah agama yang menjamin pendapatan setiap manusia untuk memenuhi keperluan asas dalam penghidupan mereka. Pendapatan minimum yang sewajarnya diperolehi oleh setiap manusia ialah pada "paras kifayah" untuk memenuhi keperluan *daruriyyat* dan *hajiyyat* mereka dan tanggungan. Islam tidak membataskan paras

²⁰ *Ibid.*

²¹ Surtahman Kastin Hasan (1996), *op.cit.*, h. 70. Muhammad Syukri Salleh mengutarakan dua pendekatan pengurusan kemiskinan yang berasingan bagi kedua-dua bentuk kemiskinan ini. Lihat Muhammad Syukri Salleh, et.al. (2000), *Pengurusan Pembangunan Islam*. Minden: IDMP,

²² *Ibid.*, h 71.

maksimum pendapatan yang boleh diperolehi setiap manusia, asalkan ianya diusahakan secara halal, terlaksana segala tanggungan dan kewajipan, tiada penindasan dan pengabaian hak-hak lain dan tiada amalan yang ditegah oleh syarak. Dalam usaha penyelesaian masalah kemiskinan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz telah mengemukakan langkah-langkah terbaik yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah kemiskinan.²³ Antaranya ialah:

- *Peranan ilmu individu sendiri.* Ilmu, jasmani, rohani dan emosi adalah elemen-elemen yang penting dalam diri manusia. Oleh itu, kemantapan dan keseimbangan semua elemen tersebut amat penting bagi kewujudan seorang insan yang anggun. Di sini, Tuan Guru Dato' menekankan bidang ilmu sebagai jalan untuk mengelakkan daripada wujudnya kemiskinan. Menurutnya, ilmu adalah penyuluh kepada kehidupan manusia, maka orang yang berilmu ialah orang yang bijak dalam memikirkan masalah masyarakat khususnya yang melibatkan umat Islam.²⁴ Orang yang berilmu juga dapat mengendalikan urusan dirinya dan orang lain. Manakala orang yang tidak berilmu tidak dapat menguruskan kehidupannya dengan baik dan tidak mampu untuk memikirkan masalah orang lain. Oleh yang demikian, ilmu merupakan elemen penting dalam penyelesaian kemiskinan. Ini kerana orang berilmu dapat menggunakan ilmunya untuk memikirkan masalah masyarakat dan golongan yang mempunyai ilmu khususnya ilmu agama, mereka ini lebih berkeupayaan untuk memahami kehendak Allah SWT dalam membantu setiap insan yang memerlukan bantuan.
- *Individu digalakkan bekerja.* Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz menyatakan pandangannya bahawa setiap orang yang memiliki syarat dan keupayaan untuk bekerja hendaklah bekerja kerana menjadi tanggungjawab manusia selaku hamba dan khalifah untuk mengusahakannya. Menurut beliau lagi, seluruh sumber yang ada di bumi termasuk di lautan adalah untuk keperluan manusia. Jadi, sebagai pemegang amanah Allah SWT setiap manusia hendaklah memperkukuhkan keyakinan dan rasa tanggungjawab kepada Allah SWT untuk bekerja sebagai hamba Allah SWT dan membangun serta memakmurkan bumi.²⁵

²³ Lotfi Ismail (1994), *op.cit.*, h. 13. Langkah-langkah mengatasi kemiskinan ini tidak jauh bezanya daripada enam langkah yang disarankan oleh Yusuf al-Qardhawi. Lihat Yusuf al-Qardhawi (1988), *Wabak Kemiskinan dan Cara-cara Islam Merawatinya*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 47-208.

²⁴ Lotfi Ismail, *Ibid.*

²⁵ Norfadzilah Ahmad (2002/2003). "Pemikiran Ekonomi Menurut Pandangan Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat." *Kertas Ilmiah Fakulti Ekonomi*, UKM. Bangi, h. 53.

Pembayaran zakat. Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz, zakat adalah satu elemen yang boleh digunakan untuk membasmi atau mengurangkan kadar kemiskinan. Kejadian manusia yang berbeza dari segi kemampuan, bentuk, jantina dan sebagainya adalah bertujuan supaya mereka dapat tolong-menolong dan lengkap-melengkapi keperluan dan fungsi antara satu dengan lain. Di samping itu, perintah supaya orang Islam yang kaya agar mengeluarkan zakat, orang kaya yang bukan Islam juga dikenakan membayar cukai dalam bentuk kharaj, jizyah dan usyur. Ini semua adalah bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi antara rakyat dan bagi mengelakkan pembolotan harta bagi golongan-golongan tertentu. Menurut Tuan Guru Dato' juga, apabila seorang yang kaya itu berilmu, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT maka mereka itu secara automatik akan membantu golongan yang miskin. Golongan kaya yang berilmu dan beriman merasakan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk membantu dan menganggap bahawa golongan miskin ada hak terhadap hartanya tanpa disuruh untuk membantu.²⁶ Bagi al-Qardhawi, zakat merupakan sumber besar negara. Zakat juga tidak terhad dikenakan ke atas harta tertentu sahaja, tetapi meliputi harta-harta lain yang boleh menghasilkan pendapatan daripada pemilikannya seperti bangunan dan kilang-kilang.²⁷ Begitu juga al-Mazini mengembangkan skop harta dalam setiap jenis-jenis zakat tradisional yang biasa dizakatkan.²⁸

- *Memajukan sektor pertanian.* Pembangunan di sektor pertanian merupakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk membasmi kemiskinan. Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz selaku Menteri Besar, beliau merasakan bahawa pembangunan di sektor pertanian boleh membantu ke arah pembasmian kemiskinan yang dihadapi oleh para petani dan pekebun getah. Tuan Guru Dato' menjelaskan pembangunan di sektor pertanian adalah melalui pembaharuan dalam bidang teknologi, sumbangan insentif, pembukaan tanah baru, pembesaran saiz tanah pertanian, penghapusan segala cukai yang membebankan petani, pemberian subsidi baja dan subsidi harga. Skim pemberian subsidi baja dan subsidi harga padi adalah bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan para petani. Penyediaan kemudahan infrastruktur asas seperti parit dan tali air dijalankan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran melalui perluasan kawasan yang ditanam dan tanaman secara besar-besaran seperti jagung.²⁹

²⁶ *Ibid.*, h. 55-56.

²⁷ Yusuf al-Qaradawi (1988), *op.cit.*, h. 89.

²⁸ Ahmad Abdul Aziz al-Mazini (1989), *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

²⁹ Lotfi Ismail (1994). *op.cit.*, h. 31.

Usaha ini dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Menurutnya, kerajaan Kelantan sekarang memilih untuk menjadikan bidang pertanian sebagai teras dan keutamaan dalam dasar pembangunan ekonominya. Beliau merasakan kehidupan dan keselamatan rakyat akan lebih terjamin dalam semua keadaan sama ada semasa susah atau senang.³⁰ Di negeri Kelantan, industri pemakanan terutamanya berasaskan pertanian amat ditekankan kerana ia bukan sahaja dapat mengurangkan kemiskinan tetapi juga dapat menjamin rakyat dari mangsa kepada tekanan dan ancaman musuh-musuh Islam yang kadangkala sampai kepada perbuatan mencatu makanan semata-mata untuk melemahkan dan menghancurkan umat Islam. Beliau memberi contoh di zaman Rasulullah s.a.w., orang-orang kafir Quraisy pernah menggunakan strategi menyekat segala bentuk perhubungan ekonomi, sosial dan politik selama lebih dua tahun (616 M - 619 M). Sehingga sekiranya jika tidak ada daripada penduduk Quraisy yang merasa simpati kepada kaum muslimin dengan membawa makanan secara bersembunyi, nescaya mereka akan mati kelaparan.³¹ Begitu juga pada hari ini kita dapat melihat bagaimana umat Islam di-Bosnia, Chechnya, Iraq, Libya dan Afrika Selatan dan yang lain-lainnya dilemahkan melalui catuan makanan.

- *Sedekah jariah*. Amalan sedekah jariah ini amat digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. dan dilakukan oleh sahabat-sahabat yang kaya dan berkemampuan.³² Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz juga mengingatkan bahawa sedekah yang diberikan kepada golongan miskin tidak hanya pada bantuan kebendaan semata-mata tetapi hendaklah disertai juga bantuan kerohanian, iaitu nasihat-nasihat yang patut dibekalkan kepada penerima bantuan untuk kehidupan di akhirat kelak. Beliau mengingatkan bahawa bantuan kebendaan itu hanyalah

³⁰ *Ibid.*

³¹ Muhammad Husain Haekal (1995), *Sejarah Hidup Muhammad*. Jakarta: Pustaka Litera Antar Nusa, h. 143.

³² Rasulullah kerap membahagi-bahagikan harta sedekah kepada golongan miskin daripada kalangan suffah, manakala di kalangan sahabat, seperti Abu Talhah, Sayyidina Uthman dan Abdul Rahman bin Auf turut menjariahkan harta mereka. Abu Talhah, yang kaya dengan kebun tamar pernah mewakafkan kebun Bairuha, manakala Sayyidina Uthman, sebagai keturunan orang kaya pernah menyedekahkan gandum, minyak dan kismis yang dibawa oleh 1,000 ekor unta kepada orang Islam ketika krisis ekonomi melanda Madinah. Begitu juga Abdul Rahman Bin Auf, seorang korporat Islam contoh, pernah menyedekahkan 700 ekor unta dengan muatan untuk jalan Allah. Lihat Muhammad Syukri Salleh (2000). *Pembangunan Zaman Rasulullah*. Pulau Pinang: IDMP, h. 22, 30-32.

sekadar keperluan di dunia sahaja tetapi kehidupan di akhirat mesti berbekal takwa kepada Allah SWT. Berhubung dengan masalah kemiskinan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz semasa berucap di Dewan Undangan Negeri Kelantan menyatakan:³³

“membasmi kemiskinan adalah satu perkara yang berada diluar kebolehan manusia kerana ia adalah ciptaan Tuhan yang mesti diterima oleh manusia. Kemiskinan tidak boleh dibasmi tetapi hanya boleh dikurangkan. Oleh itu istilah membasmi kemiskinan adalah khayalan.”

c. Pandangannya mengenai riba

Islam menganggap riba sebagai satu unsur buruk yang merosakkan masyarakat sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun moral.³⁴ Oleh sebab itu, al-Quran melarang umat Islam daripada memberi atau memakan riba.³⁵ Pengamalan riba mengakibatkan seseorang itu menjadi rakus, bakhil, zalim, melampaui batas dan mementingkan diri sendiri. Pengamalan riba melahirkan perasaan benci, hasad dengki dan permusuhan di kalangan individu masyarakat. Adanya riba menjadikan satu pihak (pemberi pinjam) terlepas daripada sebarang risiko dengan meninggalkan satu pihak lagi (peminjam) menghadapi risiko bersendirian. Ini menyebabkan pemberi pinjam sentiasa berada dalam keadaan selamat dengan memperolehi keuntungan bunga yang terjamin tanpa mengambil kira kesukaran dan kerugian yang dihadapi oleh peminjam.³⁶ Ini satu bentuk perniagaan yang tidak adil.

Menurut Tuan Guru Dato', mengharamkan riba adalah pendirian Islam dan beliau mengingatkan umat Islam kini hendaklah berhati-hati dengan ancaman daripada pihak Barat yang cuba melancarkan perang melalui bidang muamalat misalnya, mereka berusaha untuk menonjolkan sistem ekonomi riba sebagai suatu keperluan dalam perekonomian. Pihak Barat kini mempopularkan istilah 'faedah' bagi riba, apabila riba ditukar sebutan menjadi 'faedah', maka di kalangan umat Islam yang termakan dengan dakyah musuh Islam itu telah menerima sistem riba dalam urusan muamalat mereka. Perang yang sebegitu halus ini menjadikan sistem kewangan berasaskan riba sebagai suatu yang diperlukan demi kemajuan dan pembangunan.

Di bawah pemerintahannya di negeri Kelantan, beliau telah mengaplikasikan penentangan terhadap riba dengan menjalankan sistem ekonomi yang berteraskan

³³ Belanjawan Negeri Kelantan (1991).

³⁴ Afzal Ur Rahman (1991). *Doktrin Ekonomi Islam*. Jilid IV (terj. Osman Ahamad dan Mazni Osman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 110.

³⁵ Lihat al-Quraan, al-Baqarah, 2: 275, 278, 279; al-Nisa', 4: 130; al-Imran, 3: 130-132.

³⁶ Surtahman Kastin Hasan (1996), *op.cit.*, h. 37.

syariah Islam. Ini terbukti dengan memindahkan semua Akaun Simpanan Perbendaharaan Negeri daripada bank ribawi kepada bank Islam yang bebas daripada riba. Ini telah dibuktikan sebaik sahaja beliau memenangi pilihanraya pada tahun 1990. Sebelum perpindahan akaun berlaku, beliau terlebih dahulu memberitahu kepada pihak bank bahawa dukacitanya akaun terpaksa dipindah kerana kerajaan yang naik pada hari ini ialah kerajaan yang naik dengan slogan 'Islam sebagai ad-Deen'.³⁷

Dalam hal yang sama, kerajaan negeri Kelantan mengambil kata sepakat untuk memperkenalkan pinjaman tanpa bunga kepada kakitangannya. Pinjaman ini meliputi kenderaan dan perumahan. Tindakan ini selaras dengan kehendak Islam yang mahukan supaya tidak wujud tinas-meninas sesama manusia.³⁸ Menurut Tuan Guru Dato' juga, melalui kuasa politiklah kerajaan Kelantan berjaya mengubah sistem bank dari riba kepada Islam. Sistem pajak gadai Islam (Ar-Rahn) yang dipelopori oleh PAS di Kelantan kini dicontohi oleh lain-lain pihak adalah satu ikhtiar untuk menghapuskan riba. Ia menyediakan alternatif kepada amalan riba dan ia juga adalah satu alternatif yang dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan dalam memerangi kemiskinan.

d. Pandangan mengenai judi

Judi dalam bahasa Arab disebut sebagai *maysir*, dari segi bahasanya bermaksud mendapat sesuatu dengan cara yang mudah, atau menerima untung tanpa sebarang usaha.³⁹ Judi diharamkan sama ada mendapat keuntungan yang besar atau kecil, atau tidak mendapat keuntungan langsung, dengan bergantung kepada nasib atau peluang semata-mata, kecuali jika berlakunya penipuan terhadap golongan-golongan yang terlibat. Judi juga wujud melalui cara loteri, tikam ekor, bertaruh dan lain-lain lagi.⁴⁰

Judi diharamkan kerana ia memesongkan pemain-pemain judi dari jalan sebenar untuk berusaha. Ia juga membiasakan mereka kepada sifat malas, menunggu rezeki tanpa berusaha serta boleh melemahkan akal dengan meninggalkan pekerjaan yang berfaedah dan produktif seperti bercucuk tanam, berniaga dan mengadakan perusahaan yang boleh memajukan taraf hidup umat. Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz melihat pengharaman judi ini bukan hanya dari sudut ajaran agama semata-mata, sebaliknya ia juga dipandang dari sudut ekonomi dan sosial.

Kegiatan perjudian merupakan satu pembocoran kepada aliran modal, satu penyelewengan dalam penggunaan sumber-sumber dan kegiatan kontrak produktif

³⁷ Tarmizi Mohd Jam (1991), *op.cit.*, h. 273.

³⁸ Mohd Firdaus al-Amry (1992), *Kerajaan Tanpa Restu*. Kuala Lumpur: Mahir Enterprise, h. 11.

³⁹ Afzal Ur Rahman (1991), *op.cit.*, h. 118.

⁴⁰ *Ibid.*

yang sia-sia.⁴¹ Sebelum nasib pembeli tiket judi ini berubah, seseorang itu mungkin menghabiskan pendapatan harian yang diperolehi dengan mengharapkan keuntungan berganda sambil melupakan anak-anak dan isteri yang mungkin kelaparan di rumah.⁴²

Semasa pembentangan belanjawan pada tahun 1991, Tuan Guru Dato' menyeru rakyat supaya menjadikan langkah pengharaman judi ini sebagai satu azam kerajaan negeri untuk mengubah nasib mereka melalui usaha keras dan kegiatan-kegiatan yang produktif dan bukannya mengharapkan kepada nasib yang belum tentu untung ruginya.⁴³ Pengharaman judi ini pada awalnya menimbulkan sedikit percanggahan pendapat dari wakil Parti Semangat 46, kawasan Limbongan (Wan Mohammad Najib) yang meminta agar kerajaan negeri membenarkan orang-orang Cina terus memiliki lesen perjudian kerana berjudi adalah kesukaan masyarakat Cina.⁴⁴

Walaupun mendapat bantahan, Tuan Guru Dato' tetap tegas dengan pendiriannya untuk melaksanakan pengharaman judi ke atas semua orang kerana menurutnya perjudian bukanlah tradisi masyarakat Cina sebagaimana yang didakwa. Kebenarannya terbukti apabila beberapa orang daripada masyarakat Cina, India dan Siam menyatakan bahawa perjudian bukanlah satu tradisi masyarakat mereka.⁴⁵ Bermula 1 Januari 1991, rumah-rumah yang disewa khusus untuk perjudian tidak lagi disambung lesennya.

e. Penjimatan perbelanjaan

• *Menghapuskan amalan menerima hadiah.* Amalan memberi hadiah kepada Menteri Besar setiap kali membuat lawatan atau merasmikan satu-satu upacara merupakan fenomena biasa di dalam memenuhi sesi jemputan rasmi. Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz merasakan amalan seumpama itu adalah satu perbuatan yang membazirkan wang rakyat. Dengan menghapuskan amalan ini, perbelanjaan tahunan untuk kos hadiah dan lawatan tersebut boleh disalurkan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan kepada rakyat.⁴⁶

Amalan pemberian dan penerimaan hadiah ini juga secara sedar ataupun tidak akan membenihkan bibit-bibit amalan rasuah dalam kerajaan. Pendirian Tuan Guru Dato' tentang perkara ini telah menjadi ikutan kepada ahli exco kerajaan yang lain dan mereka menganggap bahawa langkah yang dilakukan ini adalah selaras dengan kehendak Islam yang menganjurkan umatnya supaya menjauhi perbuatan membazir.

⁴¹ Belanjawan Negeri Kelantan (1991).

⁴² Mohd Firdaus al-Amry (1992), *op.cit.*, h. 3.

⁴³ Belanjawan Negeri Kelantan (1991).

⁴⁴ *Watan*, 14 Disember (1990).

⁴⁵ Jamal Mohd Lokman (1999). *op.cit.*, h. 132.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 119.

Di samping itu, tindakan ini juga menunjukkan kepada rakyat bahawa pemimpin-pemimpin Angkatan tidak berlumba-lumba untuk mendapat kemewahan, tetapi benar-benar ingin berkhidmat kepada rakyat.⁴⁷

• *Pemotongan gaji dan elaun Menteri Besar.* Tuan Guru Dato' yang lebih mementingkan kehidupan yang sederhana telah mengumumkan bahawa beliau akan menyumbangkan sebanyak 40 peratus daripada elaun perkhidmatannya kepada tabung PAS dan lima peratus kepada tabung kewangan negeri.⁴⁸ Langkah ini belum pernah dibuat oleh mana-mana pemimpin negeri/negara sebelum ini. Konsep '*Kepimpinan Melalui Teladan*' mestilah dimulai oleh pemimpin. Urutan daripada itu, rakyat pula akan mengikutinya dengan berlumba-lumba melakukan amalan sedekah. Implikasi daripada perasaan murah hati akan mewujudkan satu negeri yang mempunyai rakyat yang bertimbang rasa dan bertanggungjawab antara satu sama lain.⁴⁹ Gaya hidup Menteri Besar seperti '*orang biasa*' telah menaikkan lagi imej Menteri Besar di kalangan masyarakat Kelantan.⁵⁰ Selain daripada itu, Tuan Guru Dato' juga mengumumkan bahawa beliau tidak akan menerima peruntukan Majlis Berbuka Puasa dan Juadah Hari Raya yang biasa disediakan untuk Menteri Besar sebanyak RM 15,000.00. Perbelanjaan bagi kedua-dua majlis tersebut adalah menggunakan duit peribadi beliau sendiri.⁵¹ Langkah beliau tidak akan tinggal di rumah kerajaan negeri Kelantan di JKR 10, malah akan tetap menetap di rumahnya di Kampung Pulau Melaka, menunjukkan Tuan Guru Dato' lebih suka mengikut cara hidupnya yang sederhana dan dengan ini perhubungannya dengan rakyat tidak akan mengalami apa-apa perubahan: rakyat tidak akan segan silu, sama ada yang miskin atau yang kaya untuk berjumpa dengannya.⁵² Sebelum ini seorang Menteri Besar yang tidak mahu mendiami rumah kerajaan akan diberi elaun bulanan bagi menampung kos rumah. Namun, Tuan Guru Dato' tidak akan menerima apa yang pernah diamalkan oleh Menteri Besar sebelum ini.⁵³ Langkah yang seterusnya ialah beliau tidak menggunakan kereta kerajaan selepas waktu pejabat. Kereta rasmi itu akan digunakan untuk perjalanan yang ada kaitan dengan kerajaan dan rakyat negeri Kelantan sahaja.⁵⁴

⁴⁷ *Harakah*, 2 November (1990).

⁴⁸ *Buletin Kelantan*, (1991).

⁴⁹ Jamal Mohd Lokman (1999), *op.cit.*, h. 120.

⁵⁰ Mohammad Agus Yusoff (1995), *Perkembangan dan Pembangunan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit UKM, h. 250.

⁵¹ Nik Abd Aziz bin Nik Mat (1994), *Peranan Ulama' dalam Politik*. Kuala Lumpur: GG Edar, h. 46.

⁵² Jamal Mohd Lokman (1999), *op.cit.*, h. 121.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*

- *Galakan untuk hidup sederhana.* Kesederhanaan dalam kehidupan merupakan satu prinsip sejati yang sudah sebatik dalam kehidupan harian Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz. Kehidupan beliau begitu simple dan sederhana sekali sama ada dari segi pakaian, tingkah laku, tutur kata mahupun pergaulannya. Oleh kerana menyedari peri pentingnya kesederhanaan dalam kehidupan, maka setelah bergelar Menteri Besar Tuan Guru Dato' mengetengahkan konsep itu untuk dipraktikkan oleh ahli exco, pemimpin-pemimpin parti dan juga rakyat jelata.

- *Menghapuskan pembaziran.* Pengorbanan Tuan Guru Dato' amat besar di dalam mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan. Tuan Guru Dato' juga menyeru kepada semua rakyat supaya mengamalkan amalan berjimat cermat dan jangan terlalu boros berbelanja tetapi hendaklah berbelanja sekadar mencukupi kerana perbuatan boros itu satu amalan yang dibenci oleh Allah SWT dan menjadikan manusia seorang yang tamak dan takabbur.⁵⁵

Bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan negeri, beliau juga menggalakkan pembinaan projek-projek kecil seperti membina surau dan jambatan dijalankan secara gotong-royong.

RUMUSAN

Sumbangan Tuan Guru Dato' dalam bidang agama dan dakwah memang tidak dapat disangkal lagi. Walaupun begitu, sumbangannya sebagai pengerak pembangunan negeri Kelantan yang selaras dengan dasar Islam merupakan sesuatu yang baru. Beliau mulakan pembangunan tersebut pada diri sendiri dan dimulai dengan ilmu (agama) dan aspek kerohanian sebelum aspek kebendaan (ekonomi).

Tanggapan dan pandangan beliau dalam ekonomi termasuk definisi ekonomi, konsep pembangunan, konsep dan pembasmian kemiskinan menepati dengan apa yang diutarakan oleh ahli-ahli ekonomi Islam. Ini melambangkan beliau menguasai ilmu semasa walaupun tidak dipelajari secara formal tetapi dipelajari melalui pengalaman dan pembacaan beliau yang luas.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 122.

Bibliografi

- Ahmad Abdul Aziz al-Mazini (1989), *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.
- Afzal Ur Rahman (1991), *Doktrin Ekonomi Islam*. Jilid 1V (terj. Osman Ahamad dan Mazni Osman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akram Khan (1984), "Islamic Economics: Nature and Need" dalam *Journal of Research in Islamic Economics*, Jil 1, Bil 2.
- Buletin Kelantan* (1991).
- Dinsman dan Nasir Jani (t.t.), *Video: Tok Guru di Sebalik Tabir*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.
- Harakah*, 2 November (1990).
- Hussin Yaakub (1992), *Peribadi Tuan Guru*. Kuala Lumpur.
- Jamal Mohd Lokman (1999), *Bibliografi Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Edisi 1. Subang Jaya: Penerbit Sulfa Human Resources & Development.
- Lotfi Ismail (1994), *Kalau Tidak Kerana Dendam*, Kuala Lumpur: GG. Edar.
- Mannan. M.A. (1989), *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis Jil. 1*. terj. Radiah Abdul Kader, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Mohd Firdaus al-Amry (1992), *Kerajaan Tanpa Restu*. Kuala Lumpur: Mahir Enterprise.
- Mohammad Agus Yusoff (1995), *Perkembangan dan Pembangunan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhammad Husain Haekal (1995), *Sejarah Hidup Muhammad*. Jakarta: Pustaka Litera Antar Nusa.
- Muhammad Syukri Salleh, et.al. (2000), *Pengurusan Pembangunan Islam*. Minden: IDMP.
- Muhammad Syukri Salleh (2000), *Pembangunan Zaman Rasulullah*. Pulau Pinang: IDMP.
- Nik Abd Aziz bin Nik Mat (1994), *Peranan Ulama Dalam Politik*. Kuala Lumpur: GG Edar.
- Norfadzilah Ahmad (2002/2003). "Pemikiran Ekonomi Menurut Pandangan Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat." *Kertas Ilmiah Fakulti Ekonomi*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Surtahman Kastin Hasan (1996). "Kemiskinan dan Pembasmian Mengikut Perspektif Islam." dlm. Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris (pynt.). *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tarmizi Mohd Jam (1991). *Kelantan: Harapan, Cabaran dan Misi: Mampukah Ulama' Mentadbir*, Kuala Lumpur: GG Edar.

Watan, 14 Disember (1990).

Yusuf al-Qardhawi (1988), *Wabak Kemiskinan dan Cara-cara Islam Merawatinya*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.